

11 NOV 1999

Zahir-Parlimen

PARLIMEN BUBAR SECARA RASMI HARI INI

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Parlimen kesembilan Malaysia bubar secara rasminya hari ini untuk membolehkan pilihan raya umum ke-10 diadakan.

Speaker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail berkata pembubaran itu berkuatkuasa hari ini sebagaimana terkandung dalam surat daripada Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang diterimanya semalam.

Pembubaran parlimen itu diumumkan semalam oleh Zahir pada persidangan Dewan Rakyat dan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada persidangan berita di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

Serentak dengan itu, Dewan-Dewan Undangan Negeri kecuali Sabah dan Sarawak turut dibubarkan hari ini.

Menurut Perlembagaan Persekutuan, pilihan raya umum mesti diadakan sekali dalam setiap lima tahun dan dalam tempoh 60 hari selepas Parlimen dibubarkan.

Suruhanjaya Pilihan Raya akan bermesyuarat esok untuk menentukan tarikh pilihan raya umum akan datang.

Zahir berkata suasana di bangunan Parlimen yang sebelum ini agak sibuk dengan perjalanan mesyuarat Dewan Rakyat, kini agak lengang.

"Sudah tiada apa-apa aktiviti lagi di sini. Kesemuanya kini beralih ke SPR (Suruhanjaya Pilihan Raya)," katanya.

Zahir juga menjelaskan Belanjawan 2000 yang masih dibahaskan dan lima rang undang-undang yang telah diluluskan Dewan Rakyat perlu dibentangkan semula pada persidangan Parlimen baru kerana ia belum dibawa ke Dewan Negara dan belum menjadi undang-undang.

"Ia perlu dibentangkan semula kerana Parlimen yang merangkumi Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah dibubar. Walaupun anggota kedua-dua Dewan berbeza, fungsinya masih sama," kata beliau.

-- BERNAMA

AR NMO